

CNS4146

R GR 27-10 00185 BA804

aab

MALAYSIA SAHAJA TIDAK CUKUP UNTUK BERI TEKANAN, MAHATHIR
Mahathir - GATT

PETALING JAYA, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia, sebagai negara tunggal, tidak mampu memberi tekanan kepada blok perdagangan dunia untuk membuka pasaran mereka ekoran kegagalan rundingan Perjanjian Am Perdagangan dan Tarif (GATT) di Brussels, Khamis lepas.

Katanya sebab itulah Malaysia mencadangkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebagai jalan untuk memberi tekanan kepada blok perdagangan dunia kerana bantahan Malaysia secara berseorangan tidak akan didengari.

+Kalau ada EAEC, kita boleh memberi tekanan terhadap mereka untuk membuka pasaran tapi kalau Malaysia sahaja, tidak ada siapa yang nak dengar, + katanya semasa mengulas kegagalan rundingan antara Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat mengenai pertanian.

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan menggesa Asean untuk membuat langkah susulan ekoran kegagalan itu kerana Malaysia telah sebelumnya mengusahakannya dalam bentuk EAEC.

+Kita tidak akan membuat apa-apa kerana kita sudah usahakan EAEC. Terpulanglah kepada Asean untuk membuat langkah susulan, + katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Optical Communication Engineering (Opcom) di Jalan Semangat di sini. -- Lagi.

▼27/10/15-50MST

CNS4147

R GB 27-10 00167 BA805

aab

Mahathir - GATT 2 (Akhir) Petaling Jaya

Kegagalan itu dilaporkan mampu menggugat rundingan Pusirgan Uruguay mengenai GATT yang berusia enam tahun, serta membuka ruang kepada persaingan antara blok dagangan antarabangsa.

Mengenai hasil mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean yang bersetuju 'mempercepatkan penubuhan Kawasan Dagangan Bebas Asean (AFTA) daripada 15 kepada 10 tahun, Dr Mahathir berkata ia satu perkembangan yang baik.

Katanya pembentukan AFTA akan lebih bermakna sekiranya ditumpukan kepada harangan yang benar-benar diperdagangkan antara negara-negara Asean sahaja,

+Walaupun sekarang ini ada Tarif Keistimewaan Sama Rata (CEPT) untuk 15 kumpulan barangan, ini adalah untuk permulaan sahaja kerana selepas ini kita akan turunkan tarif sehingga ia tidak ada langsung seperti di Kesatuan Eropah, + katanya lagi.

Dr Mahathir juga berkata negara-negara Asean hendaklah berunding lebih lanjut kerana CEPT itu akan menyebabkan kadang-kala kepentingan sesebuah negara terjejas dan mereka mungkin berfikir dua kali untuk menerimanya.

+Tetapi kalau kita sanggup berunding, masalah itu akan dapat diselesaikan, + katanya lagi. -- Bernama.

▼27/10/15-51MST